



**PEGAWAI SEDANG BERKHIDMAT DI UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA DAN INDIVIDU YANG BERKELAYAKAN DIPELAWA UNTUK MENGISI KEKOSONGAN JAWATAN TIMBALAN NAIB CANSELOR (HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI) DI UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA. MAKLUMAT JAWATAN TERSEBUT ADALAH SEPERTI BERIKUT:**

#### **TIMBALAN NAIB CANSELOR (HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI)**

|                       |  |
|-----------------------|--|
| Kumpulan Perkhidmatan | : Pengurusan Tertinggi   |
| Taraf Lantikan        | : Kontrak  |
| Tempoh Lantikan       | : Satu (1) hingga tiga (3) tahun untuk setiap lantikan tertakluk kepada tempoh yang ditentukan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi. |
| Gaji dan Imbuhan      | : Gaji permulaan dan imbuhan adalah setara dengan Gred Utama B (VU6) mengikut Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA)               |

#### **SYARAT PERMOHONAN**

- 1) Calon adalah dari warganegara Malaysia.
- 2) Berumur 40 tahun hingga 55 tahun.
- 3) Berpengalaman luas dalam bidang berkaitan (pengurusan kanan) sekurang-kurangnya 10 tahun dalam aspek pengurusan dan pentadbiran organisasi
- 4) Berupaya untuk menangani isu-isu yang melibatkan pelajar termasuk kebajikan pelajar, pembangunan kemahiran hal ehwal pelajar termasuk pengurusan pelajar antarabangsa serta memberikan tumpuan kepada pengalaman pelajar dalam persekitaran yang berdaya saing.
- 5) Bebas daripada sebarang kesalahan tata tertib, aduan dan lulus saringan tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

## KRITERIA UMUM

Kriteria umum berdasarkan Garis Panduan dan Kriteria Pemilihan Timbalan Naib Canselor Universiti Awam (UA) adalah seperti berikut:

- i) **Kewibawaan dan kecemerlangan akademik**  
Calon mempunyai kelayakan Ph.D merupakan satu kelebihan, calon mestilah mendapat *command of respect* dari kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan, penerbitan jurnal berwasit antarabangsa, inovasi dalam pengajaran dan cemerlang dalam khidmat profesional.
- ii) **Pengiktirafan Antarabangsa**  
Calon mestilah diiktiraf oleh *peers* antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari organisasi terkemuka luar negara.
- iii) **Kebolehan Memimpin dan Mengurus**  
Calon mestilah mempunyai *people skills* yang boleh meneraju transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan akademik. Ditambah dengan kemahiran komunikasi dan interpersonal yang mantap. Pengalaman dan rekod cemerlang pimpinan akademik merupakan antara ciri utama dalam menentukan kebolehmampuan calon.
- iv) **Reputasi**  
Menjadi "*role model*" kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan proven track record serta disanjung baik oleh dan dihormati oleh masyarakat kampus dan luar.
- v) **Personaliti**
  - Calon mestilah seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player* serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan Universiti. Calon juga mestilah memahami aspirasi Negara untuk membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama;
  - Calon perlu mempunyai integriti dan akauntabiliti yang tinggi dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan dan kuasa yang dipertanggungjawabkan dalam memastikan bahawa semua program dan inisiatif dijalankan dengan ketelusan dan berlandaskan prinsip integriti yang tinggi; dan
  - Calon mempunyai perwatakan yang dinamik serta bertanggungjawab dan komited kepada tugas dan tanggungjawab yang diberikan.

## KRITERIA KHUSUS

Pertimbangan calon-calon Timbalan Naib Canselor mengikut portfolio mestilah berasaskan kriteria-kriteria khusus yang ditetapkan seperti berikut:

i) **Berkemampuan menguruskan urusan berkaitan pembangunan dan hal ehwal pelajar**

Calon perlu mempunyai pengalaman dalam menguruskan perkara-perkara yang berkaitan dengan pembangunan dan hal ehwal pelajar. Ini adalah kerana calon bertanggungjawab menyelia aktiviti yang dianjurkan oleh persatuan pelajar terutama Majlis Perwakilan Pelajar agar sebarang aktiviti yang dijalankan adalah selari dengan matlamat penubuhan universiti dan tidak bercanggah dengan dasar-dasar semasa kerajaan.

ii) **Aktif dalam ko-kurikulum dan berpengetahuan dalam mereka bentuk dan melaksanakan ko-kurikulum bercredit serta program pembangunan pelajar secara holistik**

Calon mestilah mahir dalam merekabentuk ko-kurikulum berteraskan Hasil Pembelajaran (LO) dan Kemahiran Insaniah (KI) serta aras taksonomi, pembelajaran yang selaras dengan atribut efektif yang perlu dihasilkan melalui ko-kurikulum. Calon perlu berpengalaman dalam menterjemah ko-kurikulum bercredit kepada program memperkasakan pelajar serta berupaya memberi kesedaran, dorongan dan galakan kepada pelajar untuk melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti ko-kurikulum dalam usaha melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

iii) **Penglibatan dalam jawatankuasa yang berkaitan hal ehwal pelajar**

Calon jawatan ini akan terlibat dalam Jawatankuasa Kebajikan Pelajar, Jawatankuasa Tatatertib Pelajar dan jawatankuasa-jawatankuasa lain yang berkaitan dengan hal ehwal pelajar. Oleh yang demikian, calon mestilah seorang individu yang *service-oriented* dan sentiasa bersedia mendekati pelajar bagi menjaga kebajikan mereka tidak kira siang ataupun malam. Calon juga perlu mempunyai pengetahuan dalam bidang psikologi dan kaunseling/rundingcara sebagai asas untuk mendekati pelajar dan mengetahui permasalahan mereka.

iv) **Berpengalaman dalam menguruskan kolej-kolej kediaman**

Calon mestilah mempunyai asas dalam pengurusan. Ini adalah kerana pengurusan kolej-kolej kediaman di Universiti merupakan tanggungjawab dan berada di bawah bidang kuasa TNC (HEPA). Calon mestilah mempunyai kemahiran dalam penyelesaian masalah bagi menjaga keharmonian dan kesejahteraan pelajar agar perkhidmatan yang disediakan ini dapat melahirkan dan mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif.

v) **Mempunyai jaringan hubungan yang luas serta dihormati dalam kalangan alumni**

Calon mestilah mempunyai jaringan hubungan yang luas serta dihormati dari kalangan alumni. Ini adalah kerana pewujudan alumni adalah penting sebagai salah satu teras kepada pembangunan dan kemajuan Universiti.

### CARA MEMOHON

- 1) Permohonan boleh di buat dengan mengemukakan **borang yang disediakan** dan **Curriculum Vitae (CV) yang lengkap** dengan maklumat pengalaman, kepimpinan dan pencapaian.
- 2) Kertas cadangan dan pencapaian semasa serta ringkasan mengenai wawasan dan perancangan jangka pendek dan jangka panjang jika dilantik.
- 3) Borang permohonan dan *Curriculum Vitae (CV)* perlu dihantar secara *hardcopy* dan *softcopy* untuk urusan saringan.
- 4) Semua Permohonan hendaklah sampai selewat-lewatnya pada **11 April 2025 (Jumaat)** di alamat berikut:

**Dokumen fizikal:** Bahagian Governan dan Integriti  
Tingkat 4, Bangunan Canselori Putra  
Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM Serdang  
**SELANGOR**  
(u.p: Encik Azizi bin Ismail)

**Dokumen digital:** [kb\\_bgi@upm.edu.my/](mailto:kb_bgi@upm.edu.my) [idasu@upm.edu.my](mailto:idasu@upm.edu.my)

- 5) Permohonan yang lengkap dan lulus di peringkat saringan sahaja akan dipanggil temuduga.
- 6) Sebarang pertanyaan sila hubungi:

Encik Azizi bin Ismail / Puan Ida Suhaila binti Md Tahir  
Telefon: 03-9769 6943

### MAKLUM BALAS

Pemohon yang tidak menerima apa-apa maklum balas dalam masa enam **(6) bulan** dari tarikh tutup iklan ini dianggap tidak berjaya.

**Pejabat Pendaftar**  
**UPM**